



SIARAN MEDIA

SESI BILATERAL SEMPENA PERSIDANGAN UNITED NATIONS HUMAN SETTLEMENTS PROGRAMME (UN-HABITAT) 2023 :

PRESIDEN KENYA BERHASRAT MENDAPATKAN KHIDMAT KEPAKARAN MALAYSIA DALAM PENYEDIAAN PERUMAHAN MAMPU MILIK

NAIROBI, KENYA, 7 Jun 2023 – Malaysia merupakan antara dua (2) buah Negara yang telah diberikan penghormatan untuk melakukan kunjungan kepada Dr. William Samoei Ruto, Presiden Kenya dalam satu pertemuan tertutup sempena Persidangan *United Nations Human Settlement Programme* (UN-Habitat) 2023 yang berlangsung di Nairobi dari 5 hingga 9 Jun 2023. Dalam sesi tersebut, Presiden Kenya telah menyatakan minat dan hasrat kepada YB Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan untuk bekerjasama, mempelajari dan mendapatkan khidmat kepakaran Malaysia dalam aspek penyediaan perumahan mampu milik negara. Presiden Kenya yang merupakan tuan rumah Persidangan UN-Habitat 2023 turut menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara *gateway* kepada negara-negara di rantau ASEAN.

Menurut YB KM, Malaysia bersedia untuk bekerjasama dan berkongsi kepakaran, latihan serta amalan terbaik dengan mana-mana negara termasuk Kenya khususnya berkaitan inisiatif-inisiatif Kerajaan Malaysia dalam membangunkan sektor perumahan di negara ini.

Bersempena dengan persidangan tersebut, YB KM turut menghadiri 10 sesi bilateral bersama rakan-rakan sejawat dan pegawai-pegawai tertinggi daripada pelbagai negara seperti China, Columbia, Bahrain, Filipina, Palestin, Qatar, Indonesia dan Emiriyah Arab Bersatu. Antara perkara perbincangan adalah berkaitan agenda pembangunan mampan termasuk pelaksanaan inisiatif bandar pintar, pengurusan sisa pepejal serta peningkatan kerjasama antara negara.

Menurut YB KM, “Kesemua sesi bilateral ini merupakan *engagement* atau jalinan kerjasama yang sangat penting bagi Malaysia dalam meletakkan negara di persada antarabangsa. Perumahan mampu milik seperti yang dibangunkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) telah menjadi antara tarikan kepada dialog dan persidangan pada kali ini. Dasar dan program perumahan mampu milik negara menjadi antara model dan rujukan bagi negara-negara membangun dalam penyediaan rumah mampu milik termasuk dari aspek pembiayaan dan pembinaan rumah.”

Tambah beliau lagi, pada sesi tersebut Malaysia telah mendapat respons yang begitu positif dan dijemput untuk menyertai pelbagai acara peringkat dunia bagi berkongsi amalan terbaik Kerajaan Malaysia dalam sektor perumahan, pengurusan sisa pepejal dan agenda pembangunan mampan.

YB KM yang mengetuai delegasi Malaysia turut dijemput untuk menyampaikan ucapan dalam *High Level Interactive Strategic Dialogue on Special Theme of the 2nd Session of the UN-Habitat Assembly* dan Program Sampingan negara Republik China bertajuk *Towards a Multilateral Collaboration and Knowledge Exchange System to Accelerate SDGs Implementation in Cities* pada pagi ini.

Turut hadir pada persidangan tersebut adalah Duta Malaysia ke Nairobi, TYT Ruzaimie Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia, pegawai-pegawai kanan Kementerian serta Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

